

TARIKH	16 / 05 / 2014	SEKSYEN	LUAR NEGARA
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

### 10 lagi korban MERS-CoV di Arab Saudi

DOHA 15 Mei - Arab Saudi mengesahkan 10 orang yang dijangkiti Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) meninggal dunia dalam tempoh dua hari lalu dan mengenal pasti 20 jangkitan terbaharu, menjadikan jumlah kes jangkitan itu di negara ini meningkat kepada 511.

Menurut laman web Kementerian Kesihatan, lima kematian dilaporkan kelmarin, manakala lima lagi kes berlaku semalam.

"Jumlah kematian itu meningkatkan angka korban akibat MERS-CoV di negara ini kepada 157 kes, sejak penyakit itu dikesan dua tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) hari ini berkata, bertambahnya kes penyakit itu masih belum boleh dilihat sebagai keadaan kecemasan kesihatan peringkat dunia, walaupun jumlah kes jangkitan penyakit tersebut semakin meningkat. - REUTERS